

# 1Malaysia For Youth (1M4U) memperkukuh kesukarelawananan siswa

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dipilih sebagai universiti pertama mempunyai 1Malaysia For Youth (1M4U) Outreach Centre sebelum diperluaskan ke institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

Majlis prapelancaran program itu disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di Batu Pahat, Johor baru-baru ini, manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pula dijangka merasmikan 1M4U peringkat nasional bulan depan.

Mohamed Khaled berkata, 1M4U Outreach Centre di IPT ditubuhkan hasil kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dengan Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS) bertujuan menggalakkan penuntut melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelaan.

Beliau berkata, menerusi penubuhan pusat itu, KPT menasarkankan 600 program sukarelawan membabitkan penuntut dapat dilaksanakan menjelang Julai tahun depan.

"1M4U berperanan mengurus dan menyalurkan cadangan program kesukarelaan yang dikemukakan mahasiswa. Kertas cadangan program yang berpotensi akan diajukan kepada pihak 1M4U untuk pertimbangan dan kelulusan termasuk penyaluran Dana Relawan 1Malaysia (DRE1M)," katanya.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab. Rahim Md. Noor; Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustafa dan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Selain itu, mahasiswa perlu digalakkan untuk menyertai aktiviti sukarela kerana satu kajian di Amerika Syarikat telah mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam aktiviti sukarela lebih memiliki kemampuan kepimpinan, sosial, kepercayaan diri, kemahiran dalam berfikir kritis dan penyelesaian konflik.

Malah satu kajian lain oleh sekumpulan penyelidikan daripada IPT yang mengkaji tentang "Potensi Kesukarelawananan dalam Kalangan Pelajar IPTA", merumuskan bahawa sikap rata-rata mahasiswa di IPTA terhadap aktiviti sukarela adalah positif dan semangat kesukarelawananan mereka adalah baik.

Sikap dan semangat melibatkan diri dalam



aktiviti sukarela ini didorong oleh faktor agama, sosialisai, kemasyarakatan, pengalaman baharu dan pembangunan diri.

Menurut Mohamed Khaled, melalui kerja sukarela, proses pembelajaran akan dapat ditransformasikan secara terus kepada pelajar melalui nilai-nilai murni dan pembangunan diri yang positif.

"Lebih penting, melalui kerja sukarela, mahasiswa akan dapat meningkatkan keyakinan diri mereka sendiri, merasakan diri lebih berguna, lebih menghargai, merasa lebih produktif dan dapat meningkatkan kemahiran insaniah.

"Hal ini jelas menunjukkan bahawa mahasiswa percaya bahawa penglibatan dalam kerja sukarela akan dapat membantu dalam pembangunan diri mereka," jelasnya.

Beliau memberitahu, sebagai tanda sokongan kepada pelaksanaan program-program kesukarelawan yang berimpak tinggi, 1M4U telah menyediakan dana dalam bentuk geran yang dikenali sebagai Dana Relawan 1Malaysia (DRE1M) berjumlah 130 juta ringgit.

Selain disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan NGO, katanya, ia juga akan disalurkan kepada kumpulan-kumpulan belia yang tidak menjadi ahli kepada mana-mana pertubuhan atau badan beruniform.